



# SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI MELAKA SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Keluarga Melaka, Generasi Prihatin Kesejahteraan  
Rentas Usia”

**27 OGOS 2025**  
**DEWAN KULIAH FTKIP UTEM**





**Disediakan oleh:**

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA MELAKA  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UteM)**

15 September 2025

Telefon: 06 – 232 5151

Laman Sesawang: [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)

Emel: [penduduk@lppkn.gov.my](mailto:penduduk@lppkn.gov.my)

Facebook: LPPKN Melaka

# ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN .....	4
LATAR BELAKANG .....	4
OBJEKTIF .....	5
2.0 UCAPAN ALU-ALUAN .....	5
3.0 UCAPAN PERASMIAN .....	8
4.0 FORUM KEPENDUDUKAN .....	12
RUMUSAN.....	29
5.0 CADANGAN KEPADA NEGERI MELAKA .....	30
6.0 LIPUTAN MEDIA.....	32
7.0 MAKLUM BALAS PESERTA.....	34

# 1.0 PENDAHULUAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mencadangkan agar sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 disambut di setiap negeri di Malaysia sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu kependudukan dan pembangunan keluarga. Sehubungan itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Melaka telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sambutan Hari Penduduk Sedunia peringkat Negeri Melaka dengan kerjasama strategik Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

## LATAR BELAKANG

United Nations Population Fund (UNFPA) telah menetapkan pada 11 Julai setiap tahun sebagai hari sambutan penduduk sedunia. Sambutan hari penduduk sedunia adalah bagi meningkatkan pengetahuan para penggubal dasar, perancang dan pengurus program dalam bidang berkaitan kependudukan, keluarga dan kesihatan reproduktif.

Penganjuran seminar ini juga perlu dilakukan dalam tempoh yang dibenarkan oleh pihak LPPKN, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mulai bulan Julai sehingga Ogos sahaja setiap tahun.

Sehubungan itu, LPPKN Negeri Melaka mengadakan perbincangan awal bersama dengan IPTK, Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 23 April 2025 di IPTK, UTeM. Seterusnya, mesyuarat kedua diteruskan pada 5 Ogos 2025 di Bilik Mesyuarat Sekolah Pengajian Siswazah, UTeM. Hasil mesyuarat tersebut, kedua-dua bersetuju untuk mengadakan satu Seminar Kependudukan Peringkat Negeri Melaka bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025. Kemudian perbincangan gerak kerja bersama jawatankuasa terlibat dengan seminar ini diteruskan pada 21 Ogos 2025. Pada 26 Ogos 2025 telah diadakan acara raptai di Dewan Kuliah FKTIP, UTeM.

## OBJEKTIF

1. Membincangkan isu dan cabaran dinamik berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan generasi prihatin kesejahteraan rentas usia.
2. Mengupas isu-isu trend penurunan kadar kelahiran bagi negeri Melaka, faktor-faktor yang mempengaruhi dan cabaran serta persediaan menghadapi fenomena negara/negeri menua menjelang 2030.
3. Menyemarakkan sokongan program kependudukan sempena sambutan Hari Penduduk Sedunia yang disambut pada setiap tahun.

## 2.0 UCAPAN ALU-ALUAN

Encik Suszma Khairitzi Bin Mamat (Pengarah LPPKN Melaka) mewakili Yang Berbahagia Dato' Abdul Shukur Bin Abdullah (Ketua Pengarah LPPKN) menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Majlis Perasmian Seminar Kependudukan Melaka sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia Peringkat Negeri Melaka Tahun 2025 anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Melaka agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan sokongan dan kerjasama Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Beliau mewakili seluruh Keluarga Besar LPPKN ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Kalsom serta kerajaan Negeri Melaka yang sentiasa menyokong LPPKN khususnya LPPKN Negeri Melaka dalam agenda pengukuhan institusi keluarga. Tanpa sokongan pihak Kerajaan Negeri tidak mungkin objektif yang dihasratkan dapat direalisasikan.

Beliau mengucapkan terima kasih juga khusus kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Masilla Binti Kamalrudin Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka atas kesudian menjalinkan kerjasama strategik bersama LPPKN bagi penganjuran seminar ini. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia 2024, penduduk Melaka dianggarkan seramai 1.05 juta orang dan kini sedang melalui peralihan demografi yang membawa implikasi besar terhadap masa depan negeri.



Salah satu indikator utama perubahan ini ialah Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) atau Total Fertility Rate (TFR), iaitu purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita dalam tempoh usia reproduktif 15 hingga 49 tahun.

TFR di Malaysia menunjukkan penurunan yang sangat ketara dari 4.0 anak pada tahun 1980 kepada 2.1 pada 2014 dan terus menurun kepada 1.7 pada tahun 2023. Dalam tempoh sedekad yang lalu, TFR menunjukkan penurunan yang signifikan bukan hanya di peringkat nasional malah di semua negeri.

Negeri Melaka juga tidak terkecuali dalam arus perubahan demografi ini. Melaka menunjukkan penurunan TFR yang sama kedudukannya dengan peringkat nasional iaitu 1.7 anak jauh di bawah paras penggantian 2.1 anak. Selain itu, negeri Melaka turut mencatatkan penurunan bagi bilangan kelahiran hidup iaitu daripada 14,568 kelahiran pada 2014 kepada 13,583 pada tahun 2023. Kedua-dua indikator demografi ini menunjukkan tahap kesuburan di negeri Melaka berada dalam trend penurunan berterusan, sekali gus mencerminkan cabaran demografi yang perlu diberikan perhatian.

Kedua-dua indikator ini jelas menunjukkan bahawa Melaka sedang menuju era penuaan penduduk dan memerlukan perhatian yang sewajarnya bagi menangani cabaran demografi.

Penurunan TFR terkait dengan pelbagai faktor seperti peningkatan kos sara hidup, kecenderungan berkahwin lewat, serta perubahan aspirasi keluarga moden, peningkatan penyertaan wanita dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja yang mempengaruhi keputusan berkaitan pembentukan keluarga serta keinginan memiliki saiz keluarga yang lebih kecil disebabkan oleh pertimbangan kewangan dan komitmen kerjaya. Masalah kesihatan reproduktif dan ketidaksuburan juga menjadi antara penyebab kepada penurunan TFR.

Selain itu, statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia turut menunjukkan bilangan perkahwinan di Melaka menurun daripada 7,023 pada tahun 2016 kepada 6,119 pada tahun 2023. Dalam masa yang sama, umur purata perkahwinan pertama juga meningkat, daripada 29.9 tahun pada tahun 2016 kepada 30.6 tahun pada 2023 bagi lelaki, dan bagi wanita daripada 27.6 tahun kepada 28.6 tahun dalam tempoh yang sama.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) oleh LPPKN mendapati faktor kewangan, ketiadaan calon sesuai dan keutamaan membina kerjaya adalah antara sebab utama perkahwinan ditangguhkan. Apabila usia berkahwin meningkat, tempoh reproduktif menjadi lebih singkat, memberi kesan langsung kepada bilangan kelahiran pada masa depan.

Sehubungan itu, advokasi berkaitan kesuburan melalui Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI) telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Ianya salah satu inisiatif oleh Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan kelahiran disamping memberi kesedaran berkaitan faktor-faktor kesuburan. Perubahan corak demografi ini turut membawa kita kepada isu penuaan penduduk. Pada tahun 2024, 11.0% atau seramai 111,000 orang penduduk Melaka berumur 60 tahun dan ke atas. Angka ini dijangka mencecah 15% menjelang 2040. Ini bermakna, dalam tempoh kurang daripada dua dekad, Melaka akan mencapai status negeri menua.

Fenomena ini bukan sekadar angka. Ia membawa kesan besar kepada ekonomi, tenaga kerja, perancangan sosial, dan sistem kesihatan. Kita akan berdepan penyusutan tenaga kerja muda, peningkatan permintaan terhadap penjagaan warga emas, dan keperluan dasar sosial yang lebih inklusif. Dalam konteks inilah, seminar yang kita adakan hari ini menjadi medan yang tepat pada masanya.

### 3.0 UCAPAN PERASMIAN



Ucapan perasmian disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Kalsom Binti Noordin (Exco Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti Negeri Melaka). Pada setiap tahun, Hari Penduduk Sedunia disambut pada 11 Julai untuk meningkatkan kesedaran tentang isu penduduk global dan pembangunan penduduk kita. Beliau merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) khususnya LPPKN Negeri Melaka selaku jawatankuasa pengelola, yang bertungkus-lumus menjayakan seminar ini. Kolaborasi strategik antara LPPKN Negeri Melaka dengan sokongan daripada Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya menganjurkan seminar yang penting ini.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Masilla Binti Kamalrudin di atas kehadiran sebagai tanda sokongan kepada pihak Kerajaan khususnya di peringkat negeri Melaka dalam memartabatkan isu-isu kependudukan melalui penganjuran program dan aktiviti yang akan memberi impak yang baik kepada penduduk negeri Melaka. Begitu juga kepada semua wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan di peringkat persekutuan mahupun negeri, syarikat-syarikat swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan seterusnya warga negeri Melaka kerana sudi meluangkan masa bersama-sama menyertai seminar ini. Kehadiran hadirin melambangkan solidariti untuk sama-sama membentuk masa depan keluarga dan penduduk negeri Melaka yang lebih baik di masa hadapan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2023 dianggarkan berjumlah 33.4 juta. Melaka merekodkan jumlah penduduk seramai 1.05 juta atau 3.14 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

Sebagai salah satu negeri penjana ekonomi pelancongan terbesar Malaysia, Melaka mempunyai infrastruktur yang maju dan menjadi destinasi utama pelaburan kesan sokongan kerajaan negeri yang sangat baik ditambah pula dengan ekosistem komersial yang maju. Namun begitu, di sebalik kepesatan pertumbuhan ekonomi, negeri Melaka tidak terkecuali daripada arus perubahan demografi, kependudukan, isu kekeluargaan dan struktur umur penduduknya.

Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) atau Total Fertility Rate (TFR) merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang wanita terus hidup hingga akhir tempoh umur reproduktifnya (antara umur 15 hingga 49 tahun). Berdasarkan Laporan Perangkaan Penting 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), TFR di Malaysia menunjukkan penurunan yang semakin ketara daripada 2.1 orang anak pada tahun 2010 kepada 1.7 orang anak pada 2023. Penurunan ini menunjukkan TFR di Malaysia kini berada di bawah paras penggantian iaitu 2.1 orang anak.

Penurunan kesuburan yang berlaku di seluruh negara termasuk di Melaka adalah berkait rapat dengan perubahan gaya hidup penduduk pada masa kini, peningkatan kos sara hidup yang tinggi, peningkatan bilangan wanita dalam pendidikan tinggi dan penyertaan kaum wanita dalam tenaga buruh. Dengan jangka hayat penduduk yang lebih panjang, populasi di

Melaka dijangka akan berubah kepada lebih ramai warga tua berbanding kumpulan penduduk umur muda seperti kanak-kanak dan belia. Perubahan demografi ini pastinya akan mempengaruhi pasaran tenaga kerja di masa hadapan, peningkatan nisbah tanggungan bagi penduduk tua dan menyebabkan bilangan dan saiz isi rumah/keluarga di Melaka semakin mengecil.

Sebagai penutup ucapan, beliau sekali lagi mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua rakan strategik Kerajaan Negeri Melaka, termasuk KPWK, LPPKN, UTeM, jabatan dan agensi di peringkat persekutuan mahupun negeri, serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Seminar Kependudukan Melaka 2025 dan berharap agar hasil perbincangan /forum mampu memberi manfaat kepada semua, khususnya dalam penggubalan dasar dan pembangunan program intervensi bersesuaian berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif oleh Kerajaan Negeri.





## **4.0 FORUM KEPENDUDUKAN**

**“KELUARGA MELAKA, GENERASI PRIHATIN: KESEJAHTERAAN RENTAS USIA”**

**Moderator:**

**YBrs. Prof. Madya Datuk Dr. Norliah Kudus**

Pensyarah Kanan,

Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawana,

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

**Ahli Panel:**

**Panel 1: YBrs. Dr. Rojanah Kahar**

Ketua Jabatan,

Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga,

Fakulti Ekologi Manusia,

Universiti Putra Malaysia, Selangor.

**Panel 2: YBrs. Dr. Wan Hilya Munira Mustapha**

Ketua Pakar Pusat Subfertility,

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

**Panel 3: YBrs. Dr. Suraya Deraman**

Dekan Fakulti Sains Sosial,

Universiti Islam Melaka.



### **Pusingan Pertama:**

#### Soalan kepada YBrs. Dr. Rojanah Kahar:

Bagaimana peranan keluarga boleh memperkukuh kesejahteraan remaja dan belia supaya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran masa depan?

#### Jawapan:

**Menurut beliau**, keluarga tidak semestinya terbatas kepada hubungan darah semata-mata, sebaliknya turut merangkumi hubungan yang terbentuk melalui **perkahwinan yang sah, pengangkatan (adopsi) serta ikatan tanggungjawab yang diiktiraf oleh masyarakat dan undang-undang**. Dalam institusi keluarga, **ibu bapa memainkan peranan utama sebagai ketua keluarga** yang bertanggungjawab mendidik, membimbing dan membentuk sahsiah anak-anak. Selain menyediakan keperluan asas seperti nafkah, pendidikan dan tempat tinggal, ibu bapa juga berperanan memberikan kasih sayang, perlindungan serta sokongan emosi yang diperlukan untuk perkembangan anak-anak secara menyeluruh. Dari sudut fungsi, keluarga berperanan sebagai medium **prokreasi, sosialisasi, penyediaan nafkah dan intimasi emosi**, yang menjadi asas kepada pembentukan keluarga yang sejahtera dan masyarakat yang stabil.

**Beliau berpandangan bahawa** institusi keluarga pada masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks. Antaranya ialah **peningkatan umur perkahwinan**, kewujudan **perkahwinan tanpa anak (childless marriage)** serta fenomena **“Dual Income, No Kids” (DINK)** yang memberi kesan kepada struktur dan corak pembentukan keluarga moden. Selain itu, **tekanan ekonomi, kadar pengangguran dan peningkatan kos sara hidu** turut menjadi faktor yang menyebabkan ramai individu menangguhkan perkahwinan atau menghadkan saiz keluarga. **Beliau turut menekankan bahawa pengaruh media sosial dan teknologi digital** telah mengubah aspirasi serta gaya hidup golongan muda, termasuk persepsi mereka terhadap perkahwinan, keibubapaan dan pembentukan keluarga. Pada masa yang sama, pelbagai isu sosial seperti **buli, konflik keluarga, masalah kesihatan mental dan kemiskinan** turut memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan kanak-kanak serta keharmonian hubungan dalam keluarga.

**Beliau menjelaskan bahawa** keluarga perlu dilihat melalui perspektif **ekologi manusia**, yang merangkumi beberapa lapisan persekitaran iaitu **mikro, meso, eso dan makro**. Dalam konteks ini, **peringkat mikro**, yang terdiri daripada ibu bapa, adik-beradik dan ahli keluarga terdekat, merupakan komponen paling penting kerana mempunyai pengaruh langsung terhadap perkembangan, tingkah laku dan kesejahteraan individu. Hubungan serta interaksi yang berlaku dalam persekitaran mikro akan membentuk nilai, sikap dan keupayaan seseorang untuk berfungsi dalam masyarakat. Pada masa yang sama, faktor-faktor di peringkat ini juga berkait rapat dengan isu yang lebih luas seperti **dasar pendidikan, kemiskinan, perlindungan sosial dan akses kepada sumber**, yang seterusnya mempengaruhi kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.

**Beliau menegaskan bahawa nilai kekeluargaan merupakan asas utama kepada pembentukan sistem keluarga yang kukuh**, yang diibaratkan sebagai struktur sebuah rumah yang terdiri daripada lantai, tiang dan bumbung yang saling menyokong antara satu sama lain. Dalam memastikan kesejahteraan keluarga dapat dicapai, terdapat **empat elemen utama** yang perlu diberi perhatian. Pertama, **hubungan yang berkualiti antara ibu bapa dan anak-anak**, yang mampu mewujudkan persekitaran keluarga yang harmoni dan menyokong perkembangan positif. Kedua, **komunikasi yang positif, berkesan dan penuh penghargaan**, yang menjadi kunci kepada penyelesaian konflik dan pengukuhan hubungan kekeluargaan. Ketiga, **kesihatan dan keselamatan keluarga**, yang merangkumi aspek perlindungan fizikal, mental dan spiritual. Keempat, **kasih sayang dan perlindungan yang berteraskan nilai sakinah, mawaddah dan rahmah**, yang menjadi tunjang kepada pembentukan keluarga yang bahagia, stabil dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Soalan kepada YBrs. Dr. Wan Hilya Munira Mustapha:

Bagaimana LPPKN melihat isu “krisis kesuburan” di Malaysia – adakah ia lebih kepada masalah kesihatan, ekonomi, atau pilihan gaya hidup?

Jawapan:

**Menurut Dr. Wan Hilya Munira**, Malaysia kini berdepan dengan cabaran demografi yang semakin membimbangkan apabila **Kadar Kesuburan Jumlah (Total Fertility Rate, TFR) menurun kepada 1.7 pada tahun 2023**, iaitu di bawah paras penggantian penduduk sebanyak **2.1 anak bagi setiap wanita**. Keadaan ini menunjukkan bahawa purata keluarga di Malaysia mempunyai kurang daripada dua orang anak, malah terdapat pasangan yang hanya mempunyai seorang anak atau memilih untuk tidak mempunyai anak. Beliau menjelaskan bahawa sekiranya trend ini berterusan tanpa intervensi yang berkesan, negara berisiko mengalami penyusutan populasi yang ketara dalam jangka panjang.

**Beliau turut menjelaskan bahawa penurunan kadar kesuburan bukan hanya berlaku di Malaysia, malah menjadi cabaran global.** Sebagai contoh, Korea Selatan kini merekodkan **TFR terendah di dunia iaitu sekitar 0.7**, sehingga terpaksa bergantung kepada migrasi bagi menampung kekurangan penduduk dan tenaga kerja. Malaysia juga dijangka mencapai status **negara tua menjelang tahun 2030**, lebih awal daripada unjuran asal tahun 2040, apabila sekurang-kurangnya 15 peratus penduduk berumur 60 tahun dan ke atas. Walaupun peningkatan jangka hayat mencerminkan kemajuan dalam bidang kesihatan, situasi ini turut meningkatkan keperluan dan kos penjagaan warga emas.

**Menurut beliau, terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada penurunan TFR di Malaysia.** Antaranya ialah **peningkatan usia perkahwinan**, yang menyebabkan tempoh reproduktif menjadi lebih singkat, selain penurunan tahap kesuburan apabila usia meningkat. Di samping itu, **kos sara hidup yang semakin tinggi**, termasuk kos perumahan, pendidikan dan penjagaan anak, menyebabkan ramai pasangan menangguhkan perkahwinan atau mengehadkan bilangan anak yang ingin dimiliki.

**Beliau turut menekankan bahawa urbanisasi, perubahan gaya hidup moden serta peningkatan tahap pendidikan dan penyertaan wanita dalam tenaga kerja** telah mempengaruhi keputusan berkaitan perkahwinan dan pembentukan keluarga. Selain itu, trend “**childfree**” semakin mendapat perhatian dalam kalangan sesetengah pasangan yang memilih untuk tidak mempunyai anak atas faktor kewangan, gaya hidup atau keutamaan peribadi.

**Beliau menegaskan bahawa penurunan TFR merupakan isu kritikal yang memberi implikasi besar terhadap masa depan negara.** Kekurangan penduduk muda akan menjejaskan **daya saing ekonomi, produktiviti serta kelestarian sistem sokongan sosial,** manakala peningkatan bilangan warga emas akan menambah beban kewangan negara dalam aspek kesihatan dan kebajikan. Sehubungan itu, isu ini memerlukan **tindakan segera dan kerjasama menyeluruh antara kerajaan, institusi, komuniti dan individu** bagi memastikan keseimbangan demografi serta pembangunan negara yang mampan dapat dikekalkan.

Soalan kepada YBrs. Dr. Suraya Deraman:

Berdasarkan kajian di Melaka, apakah faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran di negeri tersebut?

Jawapan:

**Menurut Dr. Suraya Deraman,** antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran di Melaka ialah **peningkatan usia perkahwinan.** Beliau menjelaskan bahawa purata umur perkahwinan pertama telah meningkat daripada 23 tahun pada tahun 1980 kepada 28 tahun pada tahun 2020. Kelewatan memasuki alam perkahwinan ini memberi kesan terhadap tahap kesuburan kerana kualiti reproduktif, khususnya dalam kalangan wanita, mula menurun selepas usia 30 tahun dan menjadi lebih ketara selepas usia 35 tahun. Di samping itu, ramai golongan belia memilih untuk menangguhkan perkahwinan bagi mencapai kestabilan kerjaya, kewangan dan kepuasan peribadi terlebih dahulu.

**Beliau turut menjelaskan bahawa perubahan nilai dan persepsi terhadap perkahwinan** dalam kalangan masyarakat moden turut mempengaruhi kadar kelahiran. Perkahwinan kini lebih dilihat sebagai norma sosial berbanding komitmen jangka panjang yang melibatkan tanggungjawab membina keluarga. Selain itu, muncul pelbagai trend gaya hidup baharu seperti konsep “**part-time housewife**”, yang mencerminkan keutamaan terhadap ruang dan masa peribadi berbanding peranan tradisional dalam rumah tangga. Fenomena ini didapati lebih ketara dalam kalangan wanita yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kedudukan kewangan yang stabil, yang lebih menitikberatkan kebebasan serta pembangunan diri.

**Menurut beliau, tekanan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup** merupakan antara faktor paling signifikan yang mempengaruhi keputusan pasangan untuk mempunyai anak. Kos perumahan, pendidikan, penjagaan anak dan keperluan asas yang semakin meningkat menyebabkan ramai pasangan muda berasa terbeban untuk membesarkan keluarga yang

lebih besar. Urbanisasi dan gaya hidup moden turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan harian, termasuk keperluan sosial dan hiburan yang kini dianggap sebagai sebahagian daripada gaya hidup semasa. Bagi pasangan yang kedua-duanya bekerja, kos tambahan bagi mendapatkan perkhidmatan pengasuh atau pembantu rumah serta kebimbangan terhadap aspek keselamatan dan kualiti penjagaan anak turut menjadi pertimbangan penting dalam membuat keputusan berkaitan perancangan keluarga.

**Beliau juga menekankan bahawa tekanan kerja dan isu kesihatan mental** semakin memberi kesan kepada kecenderungan pasangan untuk mempunyai lebih ramai anak. Peningkatan beban kerja, tekanan kerjaya dan masalah kesihatan mental dalam kalangan pekerja menyebabkan ramai pasangan menilai semula kemampuan mereka untuk mengurus keluarga yang lebih besar. Keadaan ini telah mendorong perubahan dalam pemikiran masyarakat, di mana semakin ramai pasangan beranggapan bahawa memiliki seorang anak atau tidak mempunyai anak langsung merupakan pilihan yang munasabah dan selari dengan kemampuan serta gaya hidup mereka. Situasi ini secara tidak langsung menyumbang kepada trend penurunan kadar kelahiran yang sedang berlaku di Melaka.

#### **Pusingan Kedua:**

##### Soalan kepada YBrs. Dr. Rojanah Kahar:

Apakah cabaran utama belia hari ini yang memberi kesan kepada kestabilan institusi keluarga, dan bagaimana kita boleh menanganinya?

##### Jawapan:

**Menurut Dr. Rojanah**, cabaran yang dihadapi oleh generasi muda perlu dilihat melalui perspektif **ekologi manusia**, yang menekankan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh pelbagai lapisan persekitaran. Pada **tahap mikro**, remaja berhadapan dengan pelbagai tekanan termasuk tuntutan akademik, pengaruh media sosial, kekurangan sokongan rakan sebaya serta isu berkaitan imej diri. Dalam masa yang sama, terdapat ibu bapa dan ahli keluarga yang kurang memberikan komunikasi yang berkesan serta bimbingan yang konsisten kepada anak-anak. Beliau menjelaskan bahawa fenomena “**storm and stress**” yang lazim berlaku dalam kalangan remaja menuntut pendekatan keibubapaan yang lebih prihatin, terancang dan berstruktur bagi memastikan perkembangan emosi serta sosial mereka dapat dibimbing dengan baik.

**Pada tahap meso**, beliau menjelaskan bahawa sokongan daripada institusi pendidikan, rakan sebaya dan komuniti masih belum mencukupi untuk membantu golongan belia menghadapi

cabaran kehidupan semasa. Tekanan akademik, peluang pekerjaan yang terhad serta kekurangan jaringan sokongan komuniti boleh memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan dan pembangunan potensi anak muda. Sehubungan itu, **peranan institusi pendidikan dan komuniti adalah amat penting dalam membentuk disiplin, nilai positif serta daya tahan diri**, agar belia lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

**Beliau turut menegaskan bahawa cabaran pada tahap makro**, seperti **peningkatan kos sara hidup, pengangguran dan ketidakstabilan ekonomi**, turut mempengaruhi keputusan individu berkaitan perkahwinan dan pembentukan keluarga. Selain itu, perubahan nilai masyarakat yang semakin mengutamakan **kepuasan diri dan “me time”** berbanding komitmen kekeluargaan telah mengubah persepsi terhadap perkahwinan dan kehidupan berkeluarga. Walaupun pelbagai dasar dan perundangan berkaitan perkahwinan, nafkah dan institusi keluarga telah diwujudkan oleh kerajaan, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran yang memerlukan penambahbaikan berterusan.

**Dalam konteks perkahwinan dan keluarga**, beliau menjelaskan bahawa cabaran berlaku pada setiap fasa kehidupan. Sebelum berkahwin, ramai belia masih kurang mendapat pendedahan mengenai persediaan perkahwinan dan tanggungjawab berkeluarga, manakala faktor usia, kestabilan ekonomi dan pengaruh media sosial turut membentuk persepsi baharu terhadap perkahwinan. Semasa perkahwinan, pasangan berhadapan dengan isu seperti nafkah, perceraian, konflik rumah tangga, tekanan kerja dan masalah kesihatan mental yang boleh menjejaskan keharmonian keluarga. Selepas perkahwinan pula, semakin ramai pasangan terpaksa memikul tanggungjawab sebagai **“sandwich generation”**, iaitu menjaga anak-anak yang masih kecil sambil menyara ibu bapa yang semakin berusia. Oleh itu, **komunikasi yang konsisten dalam keluarga, pendidikan keibubapaan yang berstruktur serta kerjasama erat antara keluarga, institusi pendidikan, komuniti dan kerajaan** amat penting bagi memastikan kesejahteraan generasi masa kini dan masa hadapan dapat diperkukuhkan.

Soalan kepada YBrs. Dr. Wan Hilya Munira Mustapha:

Apakah peranan LPPKN dalam membina naratif positif tentang perkahwinan dan keluarga dalam kalangan generasi muda?

Jawapan:

**Menurut panelis**, kerajaan mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam memperkukuh institusi keluarga melalui pelaksanaan strategi yang merangkumi **peringkat makro, meso dan mikro**, iaitu daripada pembentukan dasar negara sehingga kepada pengukuhan peranan

keluarga di peringkat akar umbi. Beliau menegaskan bahawa pendidikan keluarga perlu bermula dari rumah, dengan ibu bapa berperanan sebagai **contoh teladan utama** dalam membentuk nilai, sikap dan tingkah laku anak-anak. Pada masa yang sama, setiap individu perlu menyedari bahawa mereka mempunyai pilihan untuk menentukan hala tuju kehidupan sendiri, sama ada dengan mencontohi pengalaman positif keluarga atau menjadikan pengalaman yang mencabar sebagai pengajaran untuk membina masa depan yang lebih baik.

**Beliau turut menjelaskan bahawa kerajaan sedang memperkukuh pelbagai dasar dan pelan tindakan berkaitan keluarga, termasuk Dasar Keluarga Negara yang telah dikemas kini dan dijadualkan untuk dilancarkan sempena Bulan Keluarga pada bulan November.** Dasar tersebut memberi tumpuan kepada isu-isu penting seperti **kesuburan, perkahwinan, keibubapaan dan kesejahteraan keluarga**, selain menekankan pendekatan yang lebih mesra keluarga dan mesra kesuburan. Pelan tindakan yang dirangka turut mengambil kira keperluan sokongan dasar serta insentif yang dapat membantu pasangan dan keluarga menghadapi cabaran kehidupan semasa.

**Dalam aspek pendidikan perkahwinan dan keibubapaan**, beliau menekankan bahawa pendedahan mengenai perkahwinan, tanggungjawab suami isteri dan peranan sebagai ibu bapa perlu diberikan lebih awal, termasuk di peringkat institusi pengajian tinggi. Menurut beliau, **kekurangan kefahaman mengenai tanggungjawab dalam perkahwinan sering menjadi antara faktor yang menyumbang kepada perceraian, khususnya dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan.** Oleh itu, perkahwinan perlu dilihat bukan sebagai satu beban, tetapi sebagai medium untuk membina **kebahagiaan, kasih sayang dan kesejahteraan keluarga**. Pada masa yang sama, pelbagai **polisi pekerjaan mesra keluarga dan mesra kesuburan** turut digalakkan, termasuk pelaksanaan susunan kerja fleksibel, cuti bersalin dan cuti paterniti serta kemudahan bekerja dari rumah bagi pekerja yang mempunyai tanggungjawab penjagaan ahli keluarga yang sakit.

**Beliau turut menegaskan bahawa sokongan kewangan dan penyelidikan berasaskan data merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan dasar keluarga negara.** Antara inisiatif yang disediakan termasuk **potongan cukai sehingga RM10,000 bagi rawatan kesuburan**, kemudahan **pengeluaran Akaun 2 KWSP** untuk menampung kos rawatan serta sokongan tambahan daripada sektor swasta yang boleh mencecah sehingga RM20,000. Selain itu, **Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KPKM)** yang dijalankan setiap 10 tahun berfungsi sebagai sumber data utama untuk mengenal pasti isu, cabaran dan keperluan semasa masyarakat. Data yang diperoleh menjadi asas kepada perancangan

dasar dan pelan tindakan yang lebih **inklusif, komprehensif dan responsif** dalam memperkukuh kesejahteraan keluarga serta pembangunan penduduk negara.

Soalan kepada YBrs. Dr. Suraya Deraman:

Melaka dijangka berdepan fenomena negeri komuniti berusia menjelang 2040 – apakah kesan terhadap institusi keluarga dan masyarakat setempat?

Jawapan:

**Menurut Dr. Suraya**, Melaka kini sedang berhadapan dengan fenomena penuaan penduduk yang semakin ketara. Beliau menjelaskan bahawa **7.3 peratus penduduk negeri ini terdiri daripada mereka yang berumur 65 tahun dan ke atas**, sekali gus melepasi ambang **7 peratus yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai penanda sesebuah masyarakat menua**. Berdasarkan trend semasa, Melaka dijangka mencapai status masyarakat tua lebih awal daripada tahun 2040, sekali gus memerlukan persediaan yang lebih menyeluruh bagi menghadapi perubahan struktur demografi tersebut.

**Beliau turut menekankan bahawa fenomena penuaan penduduk memberi kesan langsung kepada kemunculan generasi sandwich**, iaitu golongan yang masih aktif bekerja dan membesarkan anak-anak, namun pada masa yang sama perlu memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa yang telah lanjut usia. Situasi ini sering menimbulkan **tekanan emosi dan psikologi** kerana mereka perlu mengimbangi pelbagai komitmen keluarga dan pekerjaan secara serentak. Menurut kajian yang dijalankan oleh Persatuan Psikologi Malaysia, **sekitar 60 peratus generasi sandwich mengalami tekanan dan kebimbangan**, menunjukkan bahawa isu ini semakin menjadi cabaran sosial yang memerlukan perhatian serius.

**Menurut beliau, tekanan yang berpanjangan bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan individu, malah boleh memberi kesan kepada keharmonian dan kualiti hubungan dalam keluarga**. Dalam masa yang sama, golongan warga emas turut berdepan pelbagai cabaran seperti masalah kesihatan fizikal dan mental, termasuk **dementia, kemurungan serta sindrom “sarang kosong” (empty nest syndrome)** yang sering berlaku akibat kehilangan pasangan atau perasaan terasing daripada ahli keluarga. Beliau menjelaskan bahawa **kesunyian merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada tekanan emosi dalam kalangan warga emas**, sekali gus menjejaskan kesejahteraan hidup mereka.

**Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa penuaan merupakan proses semula jadi yang tidak dapat dielakkan dan memerlukan persediaan yang rapi dari aspek psikologi, emosi dan spiritual**. Selain memberi tumpuan kepada kesihatan fizikal dan mental,

pembangunan **modul intervensi yang merangkumi aspek kerohanian dan kesejahteraan spiritual** juga perlu diperkasakan bagi membantu individu menghadapi fasa penuaan dengan lebih positif. Beliau turut menyatakan bahawa Malaysia telah menyediakan pelbagai bentuk sokongan sosial dan kemudahan mesra warga emas, termasuk jaringan pengangkutan, kemudahan kesihatan dan pelbagai insentif berkaitan. Namun demikian, **kerajaan dan pihak berkepentingan perlu terus memperkukuh perancangan, peruntukan dan strategi sokongan secara proaktif** bagi menghadapi peningkatan populasi warga emas serta memastikan kesejahteraan mereka terus terpelihara menjelang tahun 2040.

### **Pusingan Ketiga:**

#### Soalan kepada YBrs. Dr. Rojanah Kahar:

Dalam konteks kesejahteraan rentas usia, apakah bentuk sokongan antara generasi (ibu bapa, belia, warga emas) yang perlu diperkasakan?

#### Jawapan:

**Menurut panelis**, golongan belia merupakan aset penting dan pewaris kepada masa depan negara yang perlu dipersiapkan untuk menghadapi pelbagai cabaran demografi yang bakal berlaku. Beliau menjelaskan bahawa perubahan struktur penduduk, khususnya **peningkatan nisbah warga emas berbanding golongan muda**, menuntut belia untuk lebih bersedia dari segi ilmu, kemahiran dan daya tahan diri. Dalam konteks ini, kehadiran pelajar dan golongan muda dalam pelbagai program pembangunan masyarakat perlu terus diraikan kerana mereka merupakan tonggak utama yang akan menerajui pembangunan negara pada masa hadapan.

**Beliau turut menjelaskan bahawa institusi keluarga memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi dan pembentukan sahsiah individu.** Sesebuah keluarga terdiri daripada ahli yang mempunyai latar belakang, personaliti dan peranan yang berbeza, justeru komunikasi yang berkesan serta pembahagian tanggungjawab yang jelas amat penting untuk mengekalkan keharmonian keluarga. Proses sosialisasi berlaku melalui contoh teladan, perkongsian tugas dan sikap toleransi antara ahli keluarga. Oleh itu, **nilai seperti kerjasama, komunikasi terbuka dan tanggungjawab bersama** perlu dipupuk sejak kecil bagi membentuk hubungan kekeluargaan yang kukuh dan sejahtera.

**Menurut beliau, golongan belia turut memerlukan sokongan berterusan bagi membina daya tahan dalam menghadapi cabaran emosi, mental dan spiritual.** Peranan ibu bapa melalui **doa, perhatian, kasih sayang dan bimbingan nilai** merupakan asas penting dalam

membantu anak-anak mencapai kejayaan serta menghadapi cabaran kehidupan. Di samping itu, pendidikan nilai dalam keluarga perlu diperkasakan melalui amalan-amalan yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan seperti makan bersama, pertemuan keluarga dan aktiviti yang mengukuhkan kohesi sosial. Beliau menegaskan bahawa keluarga yang mempunyai hubungan yang erat lebih berupaya melahirkan generasi yang berkeyakinan dan berdaya tahan.

**Beliau turut menekankan bahawa kesejahteraan keluarga perlu dilihat secara holistik, meliputi aspek fizikal, emosi, sosial dan spiritual.** Dalam menghadapi fenomena penuaan penduduk, konsep “**productive aging**” perlu digalakkan agar warga emas terus kekal aktif dan menyumbang kepada masyarakat dari segi mental, sosial dan kerohanian. Pada masa yang sama, sokongan sosial seperti kemudahan penjagaan kanak-kanak, pusat penjagaan warga emas dan jaringan komuniti yang kukuh perlu diperkasakan bagi membantu keluarga mengurus tanggungjawab mereka dengan lebih baik. Beliau juga menegaskan bahawa **nilai agama dan hubungan dengan Allah SWT perlu dijadikan asas dalam menangani cabaran sosial semasa**, termasuk isu buli, kegelisahan emosi dan pengaruh media sosial. Sehubungan itu, golongan belia digalakkan untuk membina daya tahan diri yang sebenar serta tidak mudah melabel diri berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui media sosial semata-mata.

Soalan kepada YBrs. Dr. Wan Hilya Munira Mustapha:

Boleh Dr. kongsi inisiatif LPPKN dalam menyediakan sokongan kesihatan reproduktif, termasuk rawatan subfertiliti kepada pasangan muda?

Jawapan:

**Menurut Dr. Wan Hilya Munira**, kerajaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara melalui pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan keluarga dan kesejahteraan sosial. Beliau menjelaskan bahawa walaupun berhadapan dengan cabaran mengurus populasi yang besar dan pelbagai, usaha berterusan dilaksanakan bagi mewujudkan masyarakat yang lebih sejahtera dan berdaya tahan. Dalam konteks ini, **Melaka sering dijadikan contoh negeri yang aktif mengamalkan pendekatan pembangunan keluarga dan kesejahteraan sosial** melalui kerjasama pelbagai pihak.

**Beliau turut menjelaskan bahawa LPPKN memberi penekanan kepada pendekatan pencegahan melalui pendidikan keluarga** bagi memperkukuh institusi keluarga sejak peringkat awal. Antara program yang dilaksanakan ialah **Smart Start**, yang disasarkan

kepada pasangan yang baru berkahwin, serta **Parenting@Work**, yang membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab keluarga dan kerjaya. Program-program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab dalam perkahwinan, keibubapaan serta pengurusan keluarga yang lebih berkesan. Pada masa yang sama, LPPKN turut menyediakan **perkhidmatan kaunseling dan sokongan emosi** bagi membantu individu dan keluarga yang berhadapan dengan masalah tekanan, kebimbangan, konflik rumah tangga serta isu kesihatan mental. Beliau menegaskan bahawa individu yang menghadapi masalah emosi atau kekeluargaan tidak seharusnya berdiam diri, sebaliknya digalakkan mendapatkan bantuan melalui saluran yang disediakan termasuk **Talian Kasih 15999**.

**Dalam aspek perkhidmatan klinikal, LPPKN menyediakan pelbagai kemudahan kesihatan reproduktif dan pembangunan keluarga di seluruh negara.** Beliau menjelaskan bahawa lebih daripada **50 Klinik Nur Sejahtera** beroperasi bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif kepada masyarakat. Selain itu, **Klinik Kesihatan Reproductif Remaja** diwujudkan khusus untuk membimbing golongan remaja mengenai isu kesihatan reproduktif, cabaran sosial semasa, hubungan interpersonal dan pembangunan sendiri. Bagi pasangan yang menghadapi masalah kesuburan, LPPKN turut menyediakan **perkhidmatan rawatan kesuburan**, termasuk rawatan asas serta prosedur persenyawaan tabung uji (**In Vitro Fertilisation - IVF**) yang ditawarkan di Ibu Pejabat LPPKN.

**Beliau turut menegaskan bahawa komitmen LPPKN dalam membantu pasangan mendapatkan zuriat diterjemahkan melalui Program Bantuan Rawatan Kesuburan (BUAI) yang menawarkan rawatan kesuburan secara percuma kepada pasangan yang layak.** Melalui program ini, **rawatan Intrauterine Insemination (IUI) disediakan secara percuma kepada 1,300 pasangan**, sekali gus memberi peluang kepada mereka yang berdepan masalah kesuburan untuk menimang cahaya mata. Keseluruhan inisiatif yang dilaksanakan ini mencerminkan **komitmen kerajaan dan LPPKN dalam membangunkan ekosistem yang positif, mesra keluarga dan menyokong kesejahteraan rakyat**, dengan matlamat untuk melahirkan keluarga yang produktif, sejahtera dan berdaya tahan demi kemakmuran masyarakat serta pembangunan negara.

Soalan kepada YBrs. Dr. Suraya Deraman:

Dari sudut psikologi dan emosi, apakah isu utama yang dihadapi pasangan atau keluarga di Melaka yang mempengaruhi keputusan untuk mempunyai anak?

Jawapan:

**Menurut panelis**, generasi muda masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan tahap daya tahan yang tinggi, khususnya dari aspek emosi, mental dan spiritual. Beliau menegaskan bahawa **daya tahan yang berasaskan nilai agama dan pegangan hidup yang kukuh** amat penting dalam membantu golongan muda menghadapi tekanan kehidupan yang semakin kompleks. Dalam persekitaran yang serba mencabar, ramai beliau menjadi lebih sensitif dan mudah terdedah kepada isu seperti kebimbangan, tekanan emosi serta perubahan pandangan terhadap perkahwinan dan pembentukan keluarga, termasuk kecenderungan terhadap fenomena "**childfree**".

**Beliau turut menjelaskan bahawa faktor psikologi dan ekonomi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan individu untuk berkahwin dan mempunyai anak.** Kebimbangan terhadap kestabilan kewangan, kos sara hidup dan kemampuan menyediakan keperluan keluarga sering menjadi alasan utama pasangan menangguhkan atau menolak keputusan untuk menimang cahaya mata. Walau bagaimanapun, beliau berpandangan bahawa generasi muda perlu lebih kreatif dan inovatif dalam mencari sumber pendapatan, termasuk memanfaatkan peluang ekonomi digital seperti pemasaran dalam talian dan keusahawanan digital. Pada masa yang sama, **nilai kesyukuran, kecekalan dan kebergantungan kepada usaha yang halal** perlu dipupuk agar cabaran ekonomi tidak menjadi penghalang kepada pembentukan dan kelangsungan institusi keluarga.

**Dalam konteks perkahwinan dan keluarga, beliau menjelaskan bahawa konflik rumah tangga merupakan antara faktor yang boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga serta mempengaruhi keputusan pasangan untuk mempunyai anak.** Antara isu yang dibangkitkan termasuk konflik perkahwinan yang berpanjangan, hubungan yang tidak sihat serta masalah berkaitan orientasi seksual yang menimbulkan ketegangan dalam rumah tangga. Konflik sedemikian sering membawa kepada perceraian atau mewujudkan hubungan yang toksik, sekali gus menghalang pasangan daripada merancang zuriat. Beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap **kes-kes keganasan rumah tangga**, termasuk penderaan fizikal terhadap isteri semasa kehamilan yang boleh mengakibatkan kesan serius terhadap kesihatan ibu dan kandungan.

**Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa intervensi awal dan sokongan profesional amat penting dalam menangani isu psikologi, emosi dan konflik kekeluargaan sebelum menjadi lebih kritikal.** Kes-kes yang melibatkan tekanan emosi, konflik rumah tangga atau keganasan keluarga memerlukan bantuan yang tepat dan berterusan bagi mengelakkan kesan yang lebih buruk terhadap kesejahteraan individu dan keluarga. Dalam hal ini, **LPPKN**

melalui kaunselor berdaftar menyediakan perkhidmatan bimbingan psikologi dan kaunseling bagi membantu pasangan serta ahli keluarga mengurus konflik dan membuat keputusan yang lebih baik. Beliau turut menggesa masyarakat supaya memanfaatkan sepenuhnya kemudahan dan kepakaran yang disediakan oleh pelbagai agensi bagi memastikan kelangsungan generasi, kestabilan institusi keluarga dan kesejahteraan masyarakat dapat terus diperkukuhkan.



## SESI SOAL JAWAB



**Nama & Agensi:**

**Mohd Nur Khairi (Pelajar, UteM)**

**Soalan:**

Apakah langkah – langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan pasangan muda memilih untuk tinggal dan membesarkan keluarga di Melaka, berbanding berpindah ke bandar – bandar besar yang lain?

**Jawapan:**

Dalam membina keluarga, konsep **homogami** iaitu perkahwinan dengan pasangan yang hampir sama dari segi personaliti, geografi dan budaya boleh membantu mengurangkan konflik. Namun, terdapat juga cabaran seperti **penempatan kerja** yang menyebabkan pasangan terpaksa tinggal berjauhan. Hal ini boleh menimbulkan tekanan apabila seseorang perlu memilih antara **kerjaya atau keluarga**.

Dalam situasi ini, setiap individu perlu membuat **pertimbangan hidup** berdasarkan kepuasan yang ingin dicapai, sama ada mengutamakan perkembangan kerjaya atau keharmonian keluarga. **Perbincangan bersama pasangan** serta **sokongan organisasi** amat penting untuk menjaga kesejahteraan emosi dan psikologi. Akhirnya, kehidupan ini bergantung kepada **pilihan** yang dibuat dan pertimbangan yang bijak akan menentukan keseimbangan antara kerjaya dan keluarga.

**Nama & Agensi:**

**Pn. Lim (Guru, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik)**

**Soalan:**

Dalam usaha meningkatkan kadar kelahiran, terdapat keluarga yang berhasrat mempunyai anak tetapi berhadapan dengan masalah kesuburan atau kesihatan reproduktif. Apakah inisiatif yang disediakan oleh LPPKN untuk membantu pasangan yang menghadapi cabaran ini, termasuk bagi lelaki dan wanita?

**Jawapan:**

Wawasan negara untuk mencapai **70 juta penduduk menjelang tahun 2100** dijangka sukar dicapai sekiranya TFR terus menurun. Malaysia berkemungkinan berdepan dengan fenomena **pengecilan populasi** jika isu ini tidak ditangani segera.

Dari segi inisiatif, **LPPKN menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan pada kadar yang jauh lebih rendah berbanding sektor swasta, iaitu kurang daripada 50% kos biasa**, dengan kualiti perkhidmatan yang setara. Malah, pada tahun ini LPPK turut menawarkan **subsidi penuh bagi rawatan IUI** yang boleh dimanfaatkan oleh pasangan yang memerlukan.

Selain itu, insentif kewangan turut diperluaskan melalui **potongan cukai dan sokongan perkeso**, dan kini LPPKN sedang berusaha untuk bekerjasama dengan **syarikat insurans** supaya perlindungan kesuburan dapat dimasukkan dalam pakej insurans. Langkah ini diharap

dapat memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat memandangkan kos rawatan kesuburan bukanlah murah.

**Nama & Agensi:**

**Raja Nur Azmi (Maritim)**

**Soalan:**

Dalam usaha meningkatkan kadar kelahiran, terdapat keluarga yang berhasrat mempunyai anak tetapi berhadapan dengan masalah kesuburan atau kesihatan reproduktif. Apakah inisiatif yang disediakan oleh LPPKN untuk membantu pasangan yang menghadapi cabaran ini, termasuk bagi lelaki dan wanita?

**Jawapan:**

Wawasan negara untuk mencapai **70 juta penduduk menjelang tahun 2100** dijangka sukar dicapai sekiranya TFR terus menurun. Malaysia berkemungkinan berdepan dengan fenomena **pengecilan populasi** jika isu ini tidak ditangani segera.

Dari segi inisiatif, **LPPKN menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan pada kadar yang jauh lebih rendah berbanding sektor swasta, iaitu kurang daripada 50% kos biasa**, dengan kualiti perkhidmatan yang setara. Malah, pada tahun ini LPPK turut menawarkan **subsidi penuh bagi rawatan IUI** yang boleh dimanfaatkan oleh pasangan yang memerlukan.

Selain itu, insentif kewangan turut diperluaskan melalui **potongan cukai dan sokongan perkeso**, dan kini LPPKN sedang berusaha untuk bekerjasama dengan **syarikat insurans** supaya perlindungan kesuburan dapat dimasukkan dalam pakej insurans. Langkah ini diharap dapat memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat memandangkan kos rawatan kesuburan bukanlah murah.

**Nama & Agensi:**

**Aqil Haziq (Pelajar, UteM)**

**Soalan:**

Apakah langkah atau kata – kata terbaik yang boleh diamalkan untuk mengurangkan jurang komunikasi dan menangani masalah komunikasi antara ibu bapa dengan anak – anak dalam masyarakat?

**Jawapan:**

Setiap anak melalui **fasa perkembangan yang berbeza** dan mempunyai **personaliti tersendiri**. Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan **pendekatan komunikasi yang berbeza** untuk memahami mereka. **Jurang generasi** sering kali menimbulkan cabaran, kerana ibu bapa masih dipengaruhi oleh pengalaman zaman dahulu, manakala anak-anak pula membesar dengan **budaya moden** seperti TikTok, Instagram, muzik serta fesyen berbeza. Hal ini menyebabkan **topik perbualan tidak seiring**, sekali gus mewujudkan persepsi bahawa ibu bapa tidak memahami dunia remaja masa kini.

Bagi merapatkan jurang tersebut, **komunikasi berkesan** perlu diberi keutamaan. Ibu bapa disarankan untuk berinteraksi pada tahap yang sama agar anak berasa dihargai. Pendekatan seperti one-to-one session antara ibu bapa dan anak boleh membantu mewujudkan hubungan yang lebih rapat dan terbuka. Di samping itu, ibu bapa perlu **memahami minat anak** walaupun berbeza dengan kecenderungan mereka sendiri. Komunikasi yang dimulakan dengan **pujian dan kasih sayang** mampu memudahkan perbincangan isu yang lebih serius. Paling penting, ibu bapa harus meluangkan masa secara konsisten bersama keluarga, menjadikannya keutamaan walaupun sibuk dengan urusan lain.

## **RUMUSAN**

Sebagai penutup, forum ini telah membincangkan isu – isu utama berkaitan kekeluargaan, termasuk peranan keluarga dan remaja, dasar serta perancangan LPPKN, serta trend dan cabaran semasa yang mempengaruhi kesejahteraan masyarakat. Perbincangan ini menekankan bahawa pilihan individu dan kekuatan diri merupakan asas penting dalam menghadapi cabaran kehidupan serta dalam membina keluarga yang sejahtera.

Walaupun tekanan hidup sering menjadi tumpuan, forum ini menegaskan kepentingan membina kebahagiaan melalui penghayatan nilai kasih sayang. Tema “Sharing, Caring and Loving” diangkat sebagai mesej utama bahawa kesejahteraan keluarga dan masyarakat hanya dapat dicapai dengan semangat saling memahami, menyokong dan mengasihi antara satu sama lain.

## 5.0 CADANGAN KEPADA NEGERI MELAKA

Berdasarkan dapatan forum sempena Hari Penduduk Sedunia 2025, Kerajaan Negeri Melaka disyorkan untuk memperkukuh agenda pembangunan keluarga dan penduduk melalui pendekatan yang lebih holistik, bersepadu dan berasaskan data. Tumpuan utama perlu diberikan kepada usaha menangani **penurunan kadar kesuburan, peningkatan populasi warga emas, cabaran kesejahteraan mental golongan muda serta pengukuhan institusi keluarga** sebagai asas pembangunan negeri yang mampan.

Pertama, kerajaan negeri disarankan memperluaskan **program pendidikan perkahwinan, keibubapaan dan pembangunan keluarga** kepada golongan belia, khususnya di institusi pengajian tinggi dan tempat kerja. Pendedahan awal mengenai tanggungjawab perkahwinan, pengurusan kewangan keluarga, komunikasi berkesan dan keibubapaan dapat membantu mengurangkan konflik rumah tangga serta meningkatkan kesediaan golongan muda untuk berkahwin dan membina keluarga.

Kedua, Kerajaan Negeri Melaka perlu memperkukuh pelaksanaan **dasar dan persekitaran mesra keluarga serta mesra kesuburan**, termasuk menggalakkan majikan menyediakan waktu kerja fleksibel, kemudahan penjagaan kanak-kanak, sokongan kepada ibu bapa bekerja dan bantuan kepada pasangan yang menghadapi masalah kesuburan. Langkah ini penting bagi mengurangkan tekanan ekonomi dan sosial yang sering menjadi faktor utama penangguhan perkahwinan dan kelahiran anak.

Ketiga, memandangkan Melaka telah memasuki fasa masyarakat menua, kerajaan negeri disaran merangka **Pelan Tindakan Penuaan Aktif Negeri Melaka** yang memberi fokus kepada konsep *productive ageing*. Pelan ini boleh merangkumi program sukarelawan warga emas, pembelajaran sepanjang hayat, aktiviti sosial dan kerohanian, serta penyediaan kemudahan dan persekitaran yang lebih mesra warga emas bagi memastikan mereka terus aktif, sihat dan produktif.

Keempat, usaha memperkukuh **kesihatan mental dan kesejahteraan psikososial keluarga** perlu dipertingkatkan melalui peluasan akses kepada perkhidmatan kaunseling, sokongan komuniti dan intervensi awal. Program pembangunan daya tahan diri dalam kalangan remaja dan belia juga perlu diperkasakan bagi membantu mereka menghadapi cabaran kehidupan, tekanan emosi dan pengaruh media sosial secara lebih positif.

Kelima, kerajaan negeri disaran memperkukuh kerjasama strategik dengan LPPKN, institusi pendidikan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat bagi membentuk ekosistem sokongan keluarga yang lebih menyeluruh. Pendekatan kolaboratif ini penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat akses kepada pendidikan keluarga, perkhidmatan sokongan, bantuan psikososial dan kemudahan yang diperlukan.

Akhir sekali, semua perancangan dan intervensi berkaitan penduduk dan keluarga hendaklah berpandukan **data serta hasil penyelidikan yang terkini**, termasuk dapatan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KPKM) serta data demografi negeri. Pendekatan berasaskan bukti ini akan membolehkan Kerajaan Negeri Melaka merangka dasar dan program yang lebih responsif, inklusif dan berkesan dalam memastikan kesejahteraan keluarga, kelestarian penduduk dan pembangunan negeri pada masa hadapan.

## 6.0 LIPUTAN MEDIA

### Melaka cadang wujudkan Perkampungan Orang Bersara



KALSOM Noordin mengetuai hadirin mengibar Jalur Gemilang pada Seminar Kependudukan Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 di UTeM, Durian Tunggal, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Oleh AMRAN MULUP 27 Ogos 2025, 1:06 pm



MELAKA: Kerajaan negeri bercadang mewujudkan Perkampungan Orang Bersara dalam menghadapi status Melaka menuju era penuaan penduduk menjelang 2030. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata, cadangan tersebut adalah sistem sokongan untuk warga emas seperti di New Zealand, China dan Jepun. Menurutnya, perkampungan itu bertujuan memberi peluang pekerjaan kepada golongan tersebut dan tidak hanya duduk diam atas alasan sudah berumur. Beliau berkata, rata orang bersara di...

<https://www.utusan.com.my/terkini/2025/08/melaka-cadang-wujudkan-perkampungan-orang-bersara/>

[Utama](#)[Terkini](#)[Lokal](#) [Nasional](#)[Podcast](#)[Akhbar Digit:](#)

KALSOM dan kenamaan bergambar bersama-sama peserta yang hadir pada Seminar Kependudukan Negeri Melaka Sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 di Dewan Kuliah FTKIP, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Foto Afiq Mustaffa


## MELAKA CADANG BINA 'RETIREMENT VILLAGE' HADAPI NEGARA MENUA 2040

NORAFIQAH JAMAL  
RABU, 27 OGOS 2025 @ 14:13

<https://www.melakahariini.my/melaka-cadang-bina-retirement-village-hadapi-negara-menua-2040/>

# 7.0 MAKLUM BALAS PESERTA

## MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA




**SAMPEL PESERTA**

138 Peserta


JANTINA		KATEGORI UMUR	
Lelaki ♂	47.1%	Bawah 18 tahun	2.2%
Perempuan ♀	52.9%	18 - 24 tahun	52.2%
		25 - 34 tahun	11.6%
		35 - 59 tahun	33.3%
		60 tahun ke atas	0.7%

KATEGORI PESERTA	
Wakil Kementerian / Agensi Kerajaan / Badan Berkanun / GLC	40.6%
Pelajar	53.6%
Ahli Akademik	5.1%
NGO	0.7%



## MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA



**Program Dianggap Sesuai Dianjurkan Bagi Meraikan Sambutan Hari Penduduk Sedunia Pada Tahun Akan Datang**

Program	%
Kempen / Siri Jelajah ke Peringkat Komuniti / Hebah	34.0%
Larian / Fun Run Bertemakan Kependudukan/Sukaneka	20.0%
Pertandingan / Peraduan / Anugerah Tokoh	18.0%
Aktiviti Komuniti	14.0%
Festival / Karnival Kependudukan Skala Besar	8.0%
Kolaborasi Program Dengan Agensi Lain / Swasta	6.0%